

### 1. Panel Pencegahan Rasuah minta penjelasan Jabatan Peguam Negara

KUALA LUMPUR: Panel Penasihat Perundingan dan Pencegahan Rasuah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bimbang mengenai spekulasi dalam media berhubung dua bekas pegawai seorang menteri Kabinet yang belum didakwa di mahkamah seperti diumumkan minggu lepas.

"Sebagai sebuah panel bebas, kami berasa bimbang tentang perkembangan ini kerana ia boleh menimbulkan spekulasi atau tanggapan mengenai campur tangan luar," kata Pengerusinya, Datuk Johan Jaaffar.

Dalam kenyataan kepada Bernama hari ini, panel itu menarik perhatian bahawa ia dengan tegas berpendapat bahawa untuk menampakkan ketelusan, Jabatan Peguam Negara perlu memberi penjelasan.

Menurut panel itu, ia kesal terhadap spekulasi bertiup kencang mengenai campur tangan politik atau pendakwaan terpilih berhubung dengan perkara itu tetapi menambah ia percaya perkara seumpama itu tidak benar sama sekali.

Panel 11 anggota itu seterusnya berkata ia membantah keras sebarang campur tangan politik atau sebaliknya terhadap usaha SPRM untuk memerangi rasuah kerana ini boleh menghakis kepercayaan masyarakat terhadap SPRM, Jabatan Peguam Negara dan kerajaan sendiri.

SPRM, dalam kenyataan sebelum ini berkata seorang bekas setiausaha politik bergelar Datuk, dan pengarah sebuah daripada yayasan yang diketuai oleh Datuk berkenaan, akan didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di bawah Kanun Keseksaan atas tuduhan pecah amanah membabitkan lebih RM1.1 juta dan satu lagi tuduhan menipu membabitkan RM1 juta.

Panel itu berkata ia akan meminta penjelasan daripada Jabatan Peguam Negara tentang mengapa kedua-dua mereka, seorang daripadanya ialah bekas setiausaha politik, belum didakwa di mahkamah seperti diumumkan oleh SPRM, Isnin lepas.

Menurut Johan, apabila anggota-anggota panel menerima surat pelantikan semula untuk satu lagi penggal daripada Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini, perdana menteri mengulangi komitmennya bahawa walaupun SPRM menunjukkan penambahbaikan dalam usaha memerangi rasuah, ia seharusnya meningkatkan lagi usaha ke arah itu selaras dengan aspirasi rakyat bagi menghapuskan rasuah.

Kedua-dua mereka ditangkap oleh SPRM dan dibebaskan dengan ikat jamin RM50,000 seorang. Ia berkata ketiga-tiga yayasan itu ditubuhkan antara 1980-an dan 2011 tetapi tidak didaftarkan sebagai pertubuhan kebajikan atau persatuan.

Sebaliknya ia beroperasi sebagai syarikat.

SPRM berkata kedua-dua mereka memegang jawatan sebagai pengarah dan anggota Lembaga Pemegang Amanah ketiga-tiga yayasan berkenaan, dan dana yayasan itu juga dikeluarkan dan ini bertentangan dengan objektif penubuhan ketiga-tiga badan itu.



Rabu, 5 Februari 2014

## 2. WEIR TAMBAH PELABURAN RM350 JUTA

### Firma UK bina kemudahan di Sendayan Technology Park

Weir Group Plc, syarikat kejuruteraan terkemuka dari United Kingdom (UK), terus mengiktiraf Malaysia sebagai destinasi pelaburan utamanya di rantau ini apabila memutus untuk menambah lagi pelaburannya di negara ini.

Terbaru, syarikat mengumumkan pelaburan £70 juta (kira-kira RM350 juta) untuk membina kemudahan membabitkan pemerosesan getah, kedai mesin dan foundri di Sendayan Technology Park, Negeri Sembilan.

Miliki kehadiran di 70 negara

Susulan itu, kumpulan yang memiliki kehadiran di 70 negara dalam sektor perlombongan; minyak dan gas (O&G) serta tenaga itu setakat ini sudah melabur sehingga RM1 bilion di Malaysia, sekali gus

menjadikan ia syarikat terbesar UK yang melabur di negara ini.

Pada 2010, Weir membeli Linatex Rubber Products pada harga RM666 juta dan tahun lalu, ia mengambil alih Cheong Foundry dengan kos RM22 juta.



Khamis, 6 Februari 2014

### 3. UNJURAN PERTUMBUHAN KUKUH

**Laporan Moody's letak Malaysia dalam aliran positif hasil dasar kerajaan**

Tinjauan ekonomi Malaysia tahun ini adalah positif bersandarkan kepada beberapa dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan jangka panjangnya, kata Moody's Analytics Inc.

Firma penyelidikan ekonomi antarabangsa itu dalam laporan terbaru Tinjauan ASEAN berkata, tadbir urus yang baik di Malaysia akan menyokong pertumbuhan positif sedemikian untuk tempoh sehingga 18 bulan akan datang.

Tambah perbelanjaan kebajikan

"Kerajaan Malaysia baru-baru ini mengurangkan subsidi bahan bakar serta menambah perbelanjaan kebajikan.

#### 4. HeiTech Padu raih kontrak RM5.8 juta bagi 3 hospital



Pengurusan pesakit Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban bakal dinaik taraf. - Foto hiasan

HeiTech Padu Bhd mendapat kontrak bernilai RM5.8 juta daripada Kementerian Kesihatan untuk membekal, menyedia, memasang, menguji dan mengendali kelengkapan teknologi telekomunikasi dan maklumat (ICT) di tiga hospital.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia, syarikat itu berkata kontrak berkenaan bagi pengembangan sistem pengurusan pesakit di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bahru; Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban dan Hospital Bentong, Pahang.

Katanya, tempoh kontrak itu bermula Februari 2014 hingga Oktober 2015 dan sebarang pembaharuan semula atau lanjutan tempoh itu akan mengikut budi bicara kerajaan.

"Kontrak itu tidak akan memberi sebarang kesan material ke atas aset bersih kumpulan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014, tetapi dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan masa depan kami," kata syarikat itu.

Aktiviti utama HeiTech Padu adalah menyediakan integrasi sistem, perkhidmatan berkaitan

rangkaian, pengurusan pusat data, perkhidmatan pemulihan bencana dan perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat lain.



Jumaat, 7 Februari 2014

### 5. UKAS setuju SPRM siasat latar belakang syarikat luar

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menyemak latar belakang semua syarikat yang bekerjasama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, berkata UKAS sudah bersetuju supaya syarikat yang mahu bekerjasama dengan unit itu menjalani proses semakan latar belakang oleh pihaknya.

"Langkah ini dibuat bagi memastikan syarikat berkenaan benar-benar mempunyai integriti, selain bebas sebarang kelemahan yang mungkin membawa kemudarat pada masa akan datang.

Pendekatan ini amat penting kerana usaha kita menangani rasuah sudah mula diiktiraf pada peringkat antarabangsa" Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM

#### Usaha mula diiktiraf

"Saya berpendapat pendekatan ini amat penting kerana usaha kita menangani rasuah sudah mula diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Jika dilihat negara yang pesat membangun seperti Korea Selatan, suatu ketika dulu kerjasama antara swasta dan kerajaan cukup berat.

"Akibatnya, ia adalah antara negara yang mengalami kesan paling buruk ketika krisis ekonomi 1997," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Dokumen Ikrar Integriti Korporat (CIP) oleh Syarikat-Syarikat Berkaitan Projek Kerjasama Awam Swasta dan Dana Mudahcara, di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Pengarah UKAS, Datuk Ahmad Husni Hussin. Majlis berkenaan adalah lanjutan daripada Seminar Ikrar Integriti Korporat

yang diadakan tahun lalu.

Sebanyak 35 syarikat termasuk Cyberview Sdn Bhd, Putrajaya Holding Sdn Bhd, Tokuyama Malaysia Sdn Bhd dan Kesan Sdn Bhd menyerahkan dokumen berkenaan kepada Abu Kassim sambil disaksikan Ali.

Abu Kassim berkata, SPRM yakin dapat mempersiapkan negara bagi menghadapi sebarang kemungkinan dengan mengurangkan ketirisan menggunakan CIP jika krisis ekonomi seperti yang dialami pada 1997 berulang.

Katanya, menerusi dokumen berkenaan, syarikat terbabit bersetuju mendokong lima dasar pencegahan rasuah di negara ini dan memberi komitmen tidak akan terbabit dalam sebarang jenayah rasuah.



Isnin, 10 Februari 2014

## 6. DM354 perkasa ekonomi Negara

Pelan Induk Digital Malaysia 354 (DM354) akan menjadi pemacu utama mencapai sasaran meningkatkan sumbangan ekonomi digital negara kepada RM294 bilion, atau 17 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar(KDNK) menjelang 2020.

DM354 ialah program strategik merangkumi tiga bidang tumpuan sektor teknologi komunikasi maklumat (ICT) iaitu akses, pengambilan dan penggunaan yang memberi tumpuan kepada lima subsektor iaitu perkhidmatan ICT, perdagangan elektronik, pengeluaran, perdagangan dan kandungan.

Pelan induk disasarkan kepada empat komuniti tumpuan iaitu usahawan digital, golongan 40 peratus pendapatan terendah (B40), perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta belia.

Multimedia Development Corporation (MDeC) diberikan mandat untuk menyelia DM354 yang membolehkan akses kepada penggunaan internet di Malaysia dapat diperkasakan, sambil pada masa sama menggalakkan penggunaan lebih meluas teknologi digital oleh kerajaan, perniagaan serta

komuniti untuk menambah baik produktiviti dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Ketua Eksekutif MDeC, Datuk Badlisham Ghazali, berkata pelaksanaan DM354 adalah kritikal kepada perkembangan ekonomi digital Malaysia untuk mengurangkan kebergantungan terlalu tinggi kepada subsektor pengeluaran yang sentiasa menjadi penyumbang terbesar pendapatan industri ICT negara.

"Industri ICT setakat 2012 menyumbang sekitar 12 peratus kepada KDNK dan bagi mencapai sasaran meningkatnya kepada 17 peratus pada 2020, ia mesti merekodkan pertumbuhan tahunan 9.8 peratus bermula sekarang.

#### Catat peningkatan

"Kita tidak boleh terlalu bergantung kepada pengeluaran semata-mata bagi mencapai sasaran itu, sebaliknya subsektor ICT lain mesti berkembang lebih pantas berikutan industri lain juga terus mencatat peningkatan serta sumbangan masing-masing kepada ekonomi negara.

"Justeru, DM354 akan menyokong sasaran pertumbuhan berkenaan," katanya dalam satu pertemuan dengan BH di Cyberjaya.

Pelaksanaan DM354 diluluskan pada mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Digital Malaysia Ketujuh yang dipengerusikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek baru-baru ini.

Selain MDeC, sebanyak 12 kementerian dan agensi lain membentuk pasukan petugas khas Digital Malaysia antaranya ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), SME Corp, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) serta Kementerian Belia dan Sukan.

Badlisham berkata, sasaran utama DM354 pada tahun ini ialah melahirkan hingga 90,000 belia yang mempunyai set kemahiran digital dalam pelbagai tahap daya saing, membantu 5,600 individu yang termasuk dalam golongan B40, atau pendapatan isi rumah di bawah RM3,200 sebulan menjana pendapatan tambahan bernilai RM7.2 juta serta

memasang 60,000 terminal pembayaran elektronik di ruang jualan seluruh negara.

"Sasaran jangka panjang pula antara lain meningkatkan jumlah pekerja berpengetahuan dalam industri ICT kepada sejuta orang menjelang 2020, berbanding hanya 720,000 ketika ini," katanya.

DM354 juga, katanya akan meneruskan kesinambungan projek yang dilaksanakan di bawah gelombang pertama Digital Malaysia sejak dua tahun lalu.

Gelombang berikutnya akan menyaksikan beberapa lagi projek dilaksanakan bermula tahun ini seperti dagangan elektronik dan Big Data.

"Kami mahu ekonomi digital dilaksanakan pada skala yang lebih besar dan DM354 membolehkannya berjalan lancar," katanya.

DM354 juga menyasar untuk meningkatkan ranking Malaysia dalam Laporan IT Global (GITR) Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke tempat 20 teratas dalam kalangan 138 ekonomi serta tempat 10 teratas dalam kalangan 59 ekonomi dalam Papan Skor Daya Saing Dunia menjelang 2020.



Isnin, 10 Februari 2014

## **7. Tanggungjawab kerajaan negeri: JAS**

Tindakan pencegahan serta pembersihan air sungai dan laut tercemar di sepanjang perairan Pulau Pinang adalah tanggungjawab kerajaan negeri.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Halimah Hassan, yang mengakui perairan negeri ini berdepan ancaman bakteria Escherichia coli (E.coli) dan unsur Polycyclic Aromatic Hydrocarbons (PAHs), berkata kerajaan negeri bertanggungjawab bagi dasar penguatkuasaan alam sekitar di Pulau Pinang.

"JAS hanya menjalankan kerja mengambil sampel air di stesen tertentu negeri ini, untuk kajian sebelum laporan lengkap mengenainya diserahkan kepada kerajaan negeri untuk tindakan lanjut.

#### Dakwa pihak terbabit

"JAS juga akan mendakwa pihak yang didapati terbabit mencemarkan alam sekitar seperti yang termaktub dalam undang-undang. Namun, dalam aspek pembersihan dan pencegahan, ia di bawah kerajaan negeri," katanya.

Beliau ditemui ketika mengiringi lawatan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel ke lokasi Sungai Batu Feringghi, yang tercemar di sini, semalam.

Ahad lalu, sebahagian perairan Batu Feringghi yang terkenal sebagai lokasi pelancongan dikesan bertukar hitam dipercayai akibat dicemari sisa kumbahan yang mengalir dari Sungai Batu Feringghi. Ujian awal mendapati air sungai dan laut itu mengandungi bakteria E.coli yang boleh mengundang maut.

BH juga mendedahkan kajian penyelidik Jabatan Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) mendapati perairan negeri ini mengandungi bakteria bahaya itu.

#### Kaji hasil kajian

Mengulas lanjut, Halimah berkata, JAS juga menyedari jurnal berhubung pencemaran air serius di Pulau Pinang, hasil kajian Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan UTP.

Katanya, pihaknya sedang mengkaji hasil kajian yang dinyatakan dalam jurnal berkenaan dan akan menyerahkan laporan lengkap mengenainya kepada pihak berkuasa negeri untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Halimah berkata, JAS memerlukan sekurang-kurangnya dua minggu bagi mengenal-pasti punca pencemaran terhadap Sungai Batu Feringghi dan kawasan laut berdekatan

Katanya, tindakan segera akan diambil dengan mendakwa pihak yang terbabit di mahkamah mengikut Seksyen 34B(1)(a) Akta Alam Sekeliling 1974 dan boleh didenda dengan tidak melebihi RM500,000 dan dipenjara tidak lebih lima tahun.



Selasa, 11 Februari 2014

#### **8. Sasar jana 10 peratus kuasa hidro 2020**

Cameron Highlands: Malaysia berada di kedudukan yang betul dalam usahanya untuk mencapai antara 10 hingga 11 peratus komposisi bekalan kuasa hidroelektrik menjelang tahun 2020.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Maximus Ongkili, berkata keyakinan itu berdasarkan pada pelaburan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk membina Stesen Hidroelektrik Ulu Jelai, Pahang, bernilai RM2.5 bilion, manakala stesen di Hulu Terengganu berharga RM1.8 bilion. "Menjelang 2020, kita perlu ada sekurang-kurangnya antara 10 hingga 11 peratus keupayaan penjanaan kuasa hidro dalam negara, daripada enam peratus pada masa ini," katanya selepas melawat projek Hidroelektrik Ulu Jelai, di sini, semalam. Turut hadir ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Azman Mohd.

Stesen Hidroelektrik Ulu Jelai yang dijangka siap pada Disember 2015 mampu menjana kuasa sebanyak 372 Megawatt (MW).

Ia meliputi beberapa komponen utama iaitu pembinaan dua terowong pengalihan air, Empangan Susu, stesen jana kuasa bawah tanah, terowong tenaga sepanjang 22 kilometer, lapangan suis dan bangunan kawalan.

Sementara itu, lebih 350 masyarakat Orang Asli daripada 84 keluarga mendapat manfaat besar hasil projek pembinaan Stesen Hidroelektrik Ulu Jelai.

Pampasan RM50 juta

Ongkili berkata, lebih RM50 juta dibelanjakan TNB untuk pampasan dan membina penempatan semula penduduk Orang Asli dari tiga kampung terbabit.

Katanya, semua keluarga Orang Asli di Kampung Susu, Kampung Tiat dan Kampung Pinang menerima pelbagai pampasan bernilai RM55,000, termasuk daripada skim pembangunan perladangan yang akan diumumkan kemudian.

"Isu penempatan ini kadangkala sangat mencabar. Bagaimanapun, agensi kerajaan dan pihak terbabit sangat prihatin dan teliti dalam menyelesaikan isu ini dengan sebaiknya dan memberikan keadilan kepada mereka yang terbabit," katanya.



Selasa, 11 Februari 2014

## 9. Projek Track 3B

1Malaysia Development Bhd (1MDB) dipercayai dipilih sebagai pemenang bidaan projek membina loji kuasa arang batu (Projek Track 3B) bagi menjana 2,000 megawatt (MW) tenaga elektrik bernilai kira-kira RM11 bilion selepas Suruhanjaya Tenaga menimbangkan kos keseluruhan yang bakal ditanggung kerajaan.

Suruhanjaya Tenaga dijangka mengumumkan pemenang bidaan itu esok selepas ia membuat pembentangan berhubung bidaan berkenaan kepada Kabinet yang dijadualkan hari ini. Pengumuman itu sekali gus akan mengakhiri persaingan sengit antara 1MDB dan satu lagi pembida projek berkenaan, YTL Power International Bhd yang sebelum ini dilaporkan BH menjadi dua calon pilihan untuk memenangi projek berkenaan.

Kedua-dua firma itu bersaing dengan dua lagi pembida, iaitu Malakoff Corp Bhd yang juga anak syarikat MMC Corp Bhd serta Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Sebelum ini, YTL Power disebut-sebut sebagai pilihan utama apabila menghantar bidaan pada harga terendah, iaitu 25.12 sen bagi setiap kilowatt sejam (kWh) bagi mengatasi pesaingnya yang lain.

Bagaimanapun, sumber berkata, semakan semula yang dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga mendapati tawaran dikemukakan oleh 1MDB adalah yang termurah secara keseluruhannya, selepas mengambil kira tarif dinyatakan di dalam bidaan serta kos tambahan perlu dibelanjakan YTL Power untuk menghantar bekalan elektrik kepada pengguna.

Katanya, kos tambahan itu disebabkan oleh kerugian yang berlaku berkaitan talian penghantaran memandangkan kedudukan loji YTL Power yang jaraknya tiga kali ganda jauh dari pusat beban utama berbanding kedudukan tapak loji 1MDB.

"Selain itu, pembuat dandang YTL Power juga dikatakan kurang berpengalaman serta tidak memiliki rekod prestasi yang telah diuji berbanding semua pembida lain, justeru ia mewujudkan risiko dari segi penghantaran bekalan elektrik kepada pengguna," katanya kepada BH semalam.

#### Mula operasi 2018

Sumber itu menambah, tapak lokasi loji yang dicadangkan oleh semua pembida terletak berhampiran pusat bebanan utama Malaysia, berbanding tapak YTL di Tanjong Tohor, Johor, terletak kira-kira 160 kilometer dari pusat itu.

Dalam menilai bidaan, kata sumber itu, impak ke atas kos keseluruhan sistem perlu diambil kira. Kos tambahan kepada kerajaan, yang sebahagian besarnya ditanggung oleh TNB membabitkan kerugian berkaitan talian penghantaran dan pembangunan talian penghantaran baharu mungkin menelan belanja jutaan ringgit.

"Justeru, kita sepatutnya bukan hanya melihat pada harga bidaan sahaja, tetapi menilai kos keseluruhan yang akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dan pembayar cukai," katanya.

Sekali ganda

Pembinaan Projek Track 3B adalah kritikal kerana permintaan tenaga elektrik diunjurkan terus meningkat pada 3.6 peratus setahun, yang bermakna permintaan tenaga pada 2030 akan meningkat sekali ganda berbanding pada 2008.

Selepas 2019, Malaysia tidak mampu menampung permintaan tenaga dengan bergantung semata-mata kepada bekalan domestik.

Berdasarkan kepada unjuran permintaan tenaga di Semenanjung, Suruhanjaya Tenaga membuat keputusan ia memerlukan kemudahan menjana kuasa daripada arang batu baharu dengan kapasiti 2,000MW untuk mula beroperasi pada 2018 atau 2019.

Berikut itu, Projek Track 3B dengan kapasiti 2,000MW itu dijangka memenuhi kira-kira 15 peratus daripada permintaan kuasa di negara ini.



Rabu, 12 Februari 2014

#### **10.4.6 PERATUS UNJURAN PERTUMBUHAN EKONOMI**

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang lebih baik pada kadar 4.6 peratus tahun ini berbanding unjuran pertumbuhan 4.5 peratus bagi tahun lalu.

Ketua Penyelidikan Ekonomi Royal Bank of Scotland plc (RBS) bagi Asia Pasifik tidak termasuk Jepun, Sanjay Mathur (gambar), berkata pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini akan dipacu oleh pertumbuhan kukuh eksport, didorong oleh pemulihan ekonomi global.

Berita lanjut dapatkan akhbar BH hari ini

Artikel Berkaitan

TNB komited kekal prestasi kewangan stabil

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menyasar mengekalkan prestasi stabil sepanjang tahun kewangan semasa berakhir 31 Ogos 2014, kata Presiden yang juga Ketua Eksekutifnya, Datuk Sri Azman Mohd.

## **Malaysia, Pakistan kaji FTA**

Kuala Lumpur: Malaysia dan Pakistan akan mengkaji semula rangka kerja perjanjian perdagangan bebas (FTA) antara kedua-dua negara akhir bulan ini.

## **Takaful Malaysia guna sistem Microsoft**

Syarikat Takaful Malaysia Bhd (Takaful Malaysia) menjalin kerjasama strategik dengan Microsoft Malaysia bagi menggunakan Pusat Sistem Microsoft 2012 dalam pengurusan infrastruktur teknologi maklumat (IT) syarikat, sejajar rancangan pengukuhan pertumbuhan perniagaannya.

## **HTC tumpu telefon pintar lebih murah**

Taipei: HTC Corp, pengeluar telefon mudah alih dari Taiwan akan mengembangkan rangkaian peranti murah bagi mengimbangi pasaran telefon pintar premium.



**Khamis, 13 Februari 2014**

### **11. Pertumbuhan tepati sasaran**

Ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan 4.7 peratus tahun lalu, sekali gus menepati sasaran kerajaan untuk mencatat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 4.5 hingga lima peratus bagi 2013.

Prestasi baik itu dipacu oleh pertumbuhan ekonomi yang mengukuh pada 5.1 peratus pada suku keempat tahun lalu, selepas berkembang 4.1 peratus pada suku pertama; suku kedua (4.4 peratus) dan suku ketiga (5.0 peratus).

Pertumbuhan memberangsangkan ekonomi negara tahun lalu itu juga mengatasi unjuran kebanyakan agensi penarafan dan firma penyelidikan ekonomi antarabangsa, termasuk Bank Dunia pada 4.5 peratus.

Bank Negara Malaysia berkata, prestasi ekonomi Malaysia pada suku keempat tahun lalu disokong oleh permintaan sektor swasta serta peningkatan dalam eksport.

"Dari segi kegiatan pula, kebanyakkan sektor ekonomi utama terus berkembang dengan disokong oleh aktiviti domestik dan perdagangan," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Bank Negara berkata, kegiatan ekonomi global bertambah baik pada suku keempat di tengah-tengah pemulihan berperingkat yang berlaku dalam kebanyakkan ekonomi utama dunia.

Meskipun kedudukan fiskal masih tidak menentu, katanya, ekonomi Amerika Syarikat (AS) mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh apabila perbelanjaan serta pelaburan di negara itu semakin mengukuh.

"Kawasan euro menyaksikan peningkatan sederhana dalam eksport, meskipun beberapa isu berkaitan fiskal dan struktur menjelaskan permintaan domestiknya," katanya sambil menambah pertumbuhan di seluruh Asia pula berterusan dengan permintaan domestik diimbangi oleh prestasi eksport yang lebih baik.

#### Perbelanjaan swasta tinggi

Bank pusat itu berkata, pertumbuhan perbelanjaan swasta kekal tinggi pada suku keempat, disokong persekitaran pekerjaan yang stabil serta pertumbuhan gaji mapan, meskipun kadarnya lebih sederhana berbanding suku terdahulu.

Katanya, pertumbuhan perbelanjaan awam pula berkembang sederhana 5.1 peratus, mencerminkan perbelanjaan emolumen lebih rendah oleh kerajaan.

Pertumbuhan pelaburan swasta naik kepada 16.5 peratus berikutan perbelanjaan modal lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan pengeluaran, manakala pelaburan awam susut 2.7 peratus, yang mencerminkan perbelanjaan modal lebih sederhana daripada perusahaan awam.

Kadar inflasi utama seperti diukur menerusi perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat kepada tiga peratus pada suku keempat, kebanyakannya mencerminkan pelarasan meningkat harga produk petroleum dan gula, di samping peningkatan duti eksais tembakau.

Bank Negara mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada tiga peratus semasa suku keempat tahun lalu, yang membolehkan persekitaran monetari kekal menyokong kegiatan ekonomi.

Menuju ke hadapan, Bank Negara berkata, ekonomi global dijangka berada dalam laluan pemulihan sederhana dengan peningkatan berterusan dalam ekonomi maju akan menjadi pemangkin positif untuk dagangan antarabangsa.

Bagi ekonomi Malaysia, katanya, permintaan domestik akan kekal menyokong pertumbuhan.

"Walaupun permintaan domestik dijangka menjadi sederhana susulan langkah pengukuhan fiskal, sektor luaran dijangka meraih manfaat daripada persekitaran global yang semakin bertambah baik," katanya.



Isnin, 17 Februari 2014

## 12. DIVIDEN KWSP 2013: 6.35% TERTINGGI DALAM 10 TAHUN

Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semalam mengisyiharkan kadar dividen 6.35 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, tertinggi sejak 10 tahun lalu.

Pada tahun lalu, KWSP mengisyiharkan dividen sebanyak 6.15 peratus. Pengurus Lembaga KWSP, Tan Sri Samsudin Osman, berkata pihaknya membuat bayaran RM31.20 bilion kepada ahlinya, peningkatan 13.66 peratus berbanding RM27.45 bilion pada 2012.

Katanya, penyata akaun KWSP yang dikredit dividen 2013 boleh disemak mulai sekarang secara atas talian melalui i-Akaun di laman web myEPF [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)

"Ahli juga boleh mendapatkan penyata akaun mereka dari Kios KWSP atau cawangan KWSP yang berdekatan mulai Isnin (hari ini)," katanya.

Katanya, maklumat dividen 2013 boleh diperoleh menerusi laman Facebook KWSP, di pejabat KWSP, Twitter KWSPBuzz dan YouTube.

Samsudin berkata, kadar dividen itu diisytiharkan hasil daripada pendapatan pelaburan kasar yang mencatat rekod tertinggi RM35 bilion, meningkat 12.81 peratus daripada RM31.012 bilion yang dicatat pada 2012.

"Pembayaran dividen 2013 diperoleh selepas ditolak peruntukan rugi terjejas bersih ke atas aset kewangan, perbelanjaan pelaburan dan operasi, caj berkanun serta dividen untuk pengeluaran," katanya dalam kenyataan semalam.

Samsudin berkata, ekuiti muncul sebagai penyumbang terbesar kepada pendapatan pelaburan kasar KWSP pada 2013, menjana RM19.52 bilion pendapatan, peningkatan ketara 40.39 peratus berbanding RM13.90 bilion yang dicatat pada 2012.

"Portfolio ekuiti KWSP menjana pulangan nyata dua angka, mengatasi prestasi dana lain yang sama," katanya.

#### Pelbagaiakan portfolio

Beliau berkata, prestasi kukuh dalam portfolio ekuiti disokong oleh indeks domestik dan global yang mencapai paras tertinggi, berikutan keyakinan pelabur terhadap kestabilan dan kekuatan asas ekonomi pasaran domestik selepas berakhirnya pilihan raya umum ke-13 (PRU-13).

Katanya, dengan jumlah ahli KWSP meningkat kepada lebih 13 juta, sebanyak RM4.91 bilion diperlukan untuk membayar setiap satu peratus kadar dividen bagi 2013.

"Ia adalah 10.06 peratus lebih tinggi berbanding RM4.46 bilion yang dibayar untuk setiap satu peratus kadar dividen pada 2012. Jumlah yang diperlukan untuk membayar satu peratus kadar dividen akan terus meningkat antara lapan dan sembilan peratus setahun.

"Di sebalik kelembapan ekonomi global dan ketidaktentuan kewangan, KWSP tetap teguh dan

pencapaiannya adalah bukti usaha dan inisiatif berterusan pengurusan KWSP untuk mengekalkan kestabilan kewangan dalam jangka panjang," katanya.

Samsudin berkata, dengan strategi pelaburan berhemah dan mantap, prestasi KWSP adalah konsisten dan stabil, terutama untuk lima tahun yang lalu.

"Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, KWSP mempelbagaikan portfolio dengan memperluaskan skop aset pelaburan bagi menguruskan risiko pasaran dan menjana pulangan yang konsisten," katanya.



Isnin, 17 Februari 2014

### 13. TEKUN sasar kutip hutang RM400 juta

Tabung Ekonomi Usahawan Kumpulan Niaga (TEKUN) Nasional menyasar mengutip semula sehingga sehingga RM400 juta daripada pembiayaan yang sudah disalurkan, tahun ini berbanding RM337 juta tahun lalu.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahim Hassan, berkata sasaran itu dapat dicapai berikutan trend bayaran balik pinjaman tahun lepas yang positif.

Terus salur pembiayaan

Katanya, kutipan bayaran balik pinjaman itu penting bagi memastikan pembiayaan dapat terus disalurkan semula kepada usahawan yang memohon pinjaman baharu serta membantu mengembangkan perniagaan mereka.

"Antara 60 peratus dan 70 peratus usahawan dalam program pinjaman TEKUN Nasional berjaya mengekalkan perniagaan. Kita sedang membuat kajian mengenai usahawan yang betul-betul berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Pejabat TEKUN Nasional Pulau Pinang, yang dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri

Yaakob di Butterworth, kelmarin.

Abdul Rahim berkata, TEKUN Nasional menyasar untuk mengagihkan pembiayaan sebanyak RM550 juta tahun ini kepada usahawan Bumiputera, berbanding RM535 juta yang diagihkan tahun lalu.

#### Minat berniaga

Ia katanya, berikutan peningkatan minat berniaga dalam kalangan Bumiputera.

Sejak ditubuhkan pada 1998, nilai pembiayaan sebanyak RM2.9 bilion telah diagihkan, dan memberi manfaat kepada 280,775 usahawan Melayu dan Bumiputera.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM142 juta disalurkan kepada 13,765 usahawan di Pulau Pinang.



Rabu, 19 Februari 2014

#### 14. RM23.3b dana bantu PKS

Kira-kira 51,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan memperoleh bantuan kewangan berjumlah RM23.2 bilion yang disalurkan oleh tiga agensi pembangunan usahawan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sejak 30 tahun lalu.

Tiga agensi terbabit ialah Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), SME Bank dan SME Corporation Malaysia (SME Corp).

Menterinya, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata MIDF sebagai agensi paling lama dalam kalangan tiga agensi berkenaan sudah menyalurkan dana berjumlah RM11.8 bilion untuk membantu 10,000 PKS tempatan. Katanya, ia diikuti SME Bank yang meluluskan pinjaman berjumlah RM8 bilion kepada 5,000 PKS dan SME Corp menerusi skim bantuan bernilai RM3.4 bilion bagi membantu sehingga 36,000 syarikat.

"Bantuan kewangan berjumlah RM23.2 bilion yang diberikan kerajaan sejak 30 tahun lalu ini tidak

termasuk dana daripada badan lain seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA).

"Pembangunan PKS bukan saja sudah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, malah lebih mustahak lagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan menyumbang peningkatan eksport," katanya berucap merasmikan Forum Keusahawanan Malaysia (FOKEM) 2014 di Kuala Lumpur, semalam.



Rabu, 19 Februari 2014

#### **15. Tender pusat trafik KLIA ditawar April**

Tender bagi pembinaan Pusat Pengurusan Trafik Udara bertaraf dunia di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang membabitkan kos kira-kira RM700 juta akan dibuka akhir bulan depan atau awal April ini.

Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA), Datuk Azharuddin A Rahman, berkata kini pihaknya bersama Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta Kementerian Kewangan sedang dalam peringkat akhir menentukan spesifikasi tender berkenaan.

"Anggaran kos maksimum adalah RM700 juta. Mungkin kurang daripada itu berdasarkan penilaian pengurusan yang dilakukan untuk memenuhi keperluan kerajaan bagi projek melebihi RM50 juta.

"Ia juga akan ditawarkan secara tender terbuka, jadi kosnya mungkin adalah lebih rendah berdasarkan bidaan. Kami jangka mengiklankan tender (membabitkan pembinaan dan sistem trafik udara) menjelang akhir Mac atau awal April dan berharap majlis pecah tanah dapat dilaksanakan pada September ini," katanya.

Sistem pengurusan baru

Beliau berkata demikian kepada media selepas memberi syarahan bertajuk 'Sistem Trafik Udara Baru Malaysia' anjuran Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF) di Kuala Lumpur, semalam.

Pusat Pengurusan Trafik Udara baharu yang akan dibina di kawasan seluas 15 hektar di KLIA itu, dijangka siap menjelang 2018. Ia akan menggantikan sistem pengurusan trafik udara sedia ada di Subang, Selangor yang kini mencecah usia 20 tahun.

Sebaik siap, pusat berkenaan dapat meningkatkan pergerakan trafik udara daripada 68 kepada 108 pergerakan setiap jam melalui tiga landasan yang mana kapasiti pengendaliannya antara tertinggi di dunia.

Sistem pengurusan baharu itu diperlukan susulan pertumbuhan trafik KLIA kini adalah yang paling tinggi di dunia.

"Pertumbuhan trafik KLIA bagi 2013 adalah 19.1 peratus kepada 47.5 juta penumpang, menjadikan ia sebagai lapangan terbang utama paling pesat berkembang di dunia," kata Maybank Investment Bank Bhd dalam nota penyelidikannya baru-baru ini.

Bank pelaburan itu berkata, KLIA kini adalah lapangan terbang ke-21 paling sibuk di dunia dan momentum itu dijangka berterusan, sekali gus membolehkan KLIA naik ke tempat ke-18 atau ke-17 menjelang akhir 2020.



Khamis, 20 Februari 2014

#### **16. Pertumbuhan kewangan Islam 2014 dijangka stabil**

Pertumbuhan kewangan Islam tempatan tahun ini dijangka stabil di sebalik ketidaktentuan ekonomi global dan tempatan, termasuk penyusutan nilai ringgit, kata pakar.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif CIMB Islamic Bank Bhd, Badlisyah Abdul Ghani, berkata kesan jangka pendek ke atas mata wang tempatan dan ketidaktentuan ekonomi lain tidak memberi kesan besar terhadap pertumbuhan kewangan Islam.

Mata wang teguh

"Kita melakukan transaksi berdasarkan petunjuk yang wujud pada masa tertentu. Jika mata wang kita teguh, kewangan Islam akan diteruskan dengannya dan jika mata wang kita lemah sedikit, ia tetap diteruskan."

"Kewangan Islam akan terus tumbuh dengan baik di Malaysia...ia tumbuh secara positif sejak

beberapa tahun lalu dan akan berterusan sehingga 2020 serta selepasnya," katanya kepada pemberita di majlis Persidangan Pembelajaran: Perbankan Islam dan Undang-Undang Kewangan 2014 di Kuala Lumpur, semalam.

Badlisyah juga berharap lebih ramai pengguna kewangan konvensional beralih kepada kewangan Islam berikutan ketidaktentuan terbabit serta faedah diperoleh, termasuk pengecualian duti setem.

"Kewangan Islam menawarkan perkhidmatan dan produk yang kompetitif. Walaupun anda ketepikan insentif, ia masih sangat menarik kepada pelanggan," katanya.

Badlisyah enggan mengulas mengenai sasaran pertumbuhan CIMB Islamic untuk kewangan Islam tahun ini, tetapi berdasarkan permintaan semasa, beliau berkata, ramalan Bank Negara Malaysia terhadap pertumbuhan 15 hingga 20 peratus setahun boleh dicapai dengan mudah.

Persidangan dua hari bermula semalam itu dianjurkan Jurnal Undang-Undang Semasa Malaysia dan Majlis Peguam Malaysia.



Isnin, 24 Februari 2014

### 17. Guru tak perlu laksana PBS

Kuala Lumpur: Guru tidak perlu meneruskan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sehingga kenyataan mengenainya dibuat Kementerian Pendidikan dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Khair Mohamad Yusof dalam kenyataan semalam berkata, pihaknya akan memaklumkan keputusan kajian semula berkenaan setelah Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berpuas hati dengan penambahbaikan yang dicadangkan.

Katanya, penambahbaikan itu mengambil kira dapatkan kajian terbaru kementerian, rungutan guru dan mengambil kira pandangan masyarakat termasuk Suara Guru Masyarakat Malaysia (SGMM).

Teliti semula perlaksanaan

"Kementerian mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaannya agar dapat mengurangkan bebanan tugas guru, dengan memfokuskan kepada rombakan perkara yang membabitkan kekerapan guru memasukkan data termasuk pengisian borang perekodan prestasi murid yang boleh membebankan guru," katanya.



Selasa, 25 Februari 2014

### **18. ETP tarik RM1.4 trilion pelaburan**

**30 peratus daripada jumlah sasaran sudah dicapai**

Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan pada 2010, terus memperlihatkan impak positif apabila kira-kira 30 peratus daripada sasaran kemasukan pelaburan berjumlah AS\$444 bilion (RM1.4 trilion) ke negara ini menjelang 2020, sudah dicapai setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, berkata perangkaan semasa itu sekali gus memperlihatkan negara berada dalam landasan tepat untuk mencapai sasaran menjadi negara berpendapatan tinggi dalam tempoh enam tahun lagi.

Katanya, sasaran kemasukan pelaburan RM1.4 trilion itu dijangka mampu mewujudkan sejumlah 3.3 juta peluang pekerjaan baru di dalam negara, seterusnya dapat menjana kesan sampingan yang akan memangkin kegiatan ekonomi lebih meluas di negara ini.

"Matlamat utama ETP adalah mencapai pendapatan perkapita AS\$15,000 (RM45,000), mewujudkan 3.3 juta pekerjaan dan meraih pelaburan berjumlah AS\$444 bilion (RM1.4 trilion) menjelang 2020. Semua itu bertujuan untuk merealisasikan harapan kita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.



Khamis, 27 Februari 2014

### **19. Lapan IPT tempatan dapat penarafan QS**

Kuala Lumpur: Lapan universiti tempatan tersenarai antara 200 institusi pengajian tinggi (IPT) terbaik dalam Penarafan Universiti Dunia QS berasaskan subjek.

Senarai terbaharu itu diumumkan dalam laman web [www.TopUniversities.com](http://www.TopUniversities.com) semalam.

IPT berkenaan ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang turut tersenarai dalam kelompok sama tahun lalu.

Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Multimedia (MMU) menjadi dua lagi IPT tempatan baharu tersenarai dalam kelompok atas penarafan yang membabitkan penilaian dalam 30 bidang pengajian itu.

**USM tempat ke-28**

USM meraih penarafan terbaik dalam kalangan IPT tempatan di tempat ke-28 dalam bidang sains alam sekitar. Universiti Apex itu turut tersenarai dalam kelompok 100 IPT terbaik bagi bidang sains komputer dan sistem maklumat, kejuruteraan kimia, kejuruteraan awam serta kejuruteraan mekanikal.

UM pula berada dalam kelompok 100 universiti terbaik bagi enam bidang iaitu bahasa moden, sains komputer dan teknologi maklumat, kejuruteraan kimia, kejuruteraan elektrikal, kejuruteraan mekanikal dan pendidikan.

UPM tersenarai dalam kelompok 100 terbaik bagi bidang pertanian dan perhutanan serta pendidikan, manakala UKM dalam bidang politik dan pengajian antarabangsa serta pendidikan.

Ketua Penyelidik QS, Ben Sowter, berkata keputusan penarafan itu membuktikan universiti di negara

ini menawarkan pengajian bertaraf dunia dalam bidang tertentu.

"Penarafan yang mengkhususkan kepada subjek ini menonjolkan kelebihan IPT di Malaysia dalam penawaran bidang pengajian berkaitan, berbanding penarafan institusi yang membabitkan penilaian banyak faktor lain," katanya menerusi kenyataan media di sini semalam.

#### Peningkatan kualiti

Secara keseluruhan, keputusan penarafan itu menunjukkan peningkatan kualiti pengajian bidang kejuruteraan dalam kalangan universiti Asia, terutama National University of Singapore yang berada dalam kelompok 10 universiti terbaik dalam kelima-lima bidang kejuruteraan dan teknologi dinilai dalam penarafan itu.

Universiti Harvard, Amerika Syarikat kekal tempat pertama penarafan itu dalam 11 bidang pengajian.



Jumaat, 28 Februari 2014

#### 20. Pendidikan rapat jurang pendapatan

Petaling Jaya: Perdana Menteri berkata, hanya dengan ekuiti boleh merapatkan jurang ketidaksamaan pendapatan, sekali gus membolehkan negara berdaya tahan dan mengecapi perpaduan.

Sehubungan itu, Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau dan pentadbiran kerajaan bekerja keras menentang ketidakadilan dan mengisyiharkan perang terhadap pendapatan yang tidak seimbang.

Katanya, Malaysia bukan lagi negara miskin yang dengan sendirinya mewujudkan cabaran baharu yang sukar, iaitu ketidaksamaan pendapatan di kalangan penduduk.

"Sebahagian daripada kita lebih makmur daripada yang lain, manakala ada antara kita yang masih bergelut untuk hidup," katanya ketika merasmikan kampus baharu Universiti Antarabangsa UNITAR,

di Kelana Jaya di sini, semalam.

#### Penyelesaian terbaik

Najib berkata, antara satu punca pendapatan yang tidak seimbang adalah ketidaksamaan peluang dengan ada yang berasas baik berbanding yang lain.

Katanya, untuk mencapai keseimbangan ekonomi, kerajaan menumpukan kepada pendidikan kerana ia adalah penyelesaian yang terbaik bagi merapatkan jurang pendapatan.

Beliau berkata, pada 1959, apabila Universiti Malaya (UM) mengambil penuntut sulung, jumlahnya sangat sedikit, iaitu 300 orang.

"Pada 1967, jumlah penuntut dalam pengajian tinggi meningkat kepada 4,500 dan kini seorang daripada empat rakyat berusia 18 hingga 24 tahun adalah golongan berpendidikan tinggi," katanya.

#### Tingkat akses pendidikan

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga meningkatkan akses kepada pendidikan untuk semua lapisan masyarakat kerana yakin ia mampu meningkatkan ekonomi golongan kurang berasas baik.

Katanya, peningkatan akses pendidikan berjaya meningkatkan sosioekonomi rakyat dengan ketara menerusi kejayaan dalam pelbagai profesi.

"Hari ini, ramai anak petani, nelayan dan penoreh getah yang balik kampung untuk menyambut Hari Raya, Tahun Baharu Cina dan Deepavali adalah doktor, jurutera dan peguam.

"Dalam perjuangan dan perjalanan kepada yang lebih baik pada hari esok, kita sewajarnya tidak memandang rendah potensi yang ada, sebaliknya mempunyai keazaman, ketabahan dan kerja keras bagi menukar impian dan harapan kepada kenyataan," katanya.

## 21. Tambah baik sistem daftar penjawat awam

Kuala Lumpur: Kerajaan negeri perlu mencari kaedah terbaik bagi menambah baik sistem pendaftaran kehadiran penjawat awam termasuk mencontohi inisiatif dilaksanakan kerajaan Melaka.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata kerajaan memberi keutamaan terhadap ketepatan kehadiran penjawat awam berdasarkan waktu kerja yang ditetapkan.

"Kita minta setiap negeri mencari jalan walaupun penjawat awam sudah maklum dengan peraturan waktu kerja, terpulang kepada negeri untuk membangunkan sistem masing-masing.

"Setakat ini, tiada laporan mengenai masalah kehadiran, jika ada, kerajaan akan fikirkan jalan terbaik untuk atasi," katanya ketika dihubungi semalam.

### Sistem kesan kelewatan

Beliau diminta mengulas keputusan kerajaan Melaka yang akan melaksanakan Sistem Pengesan Kelewatan Kehadiran bagi menambah baik sistem pendaftaran kehadiran penjawat awam di negeri itu.

Sistem yang julung kali diperkenalkan itu, dibangunkan Bahagian Perkhidmatan Teknologi Maklumat Jabatan Ketua Menteri. Sistem itu yang bakal dilancarkan pada 10 Mac ini, akan dilaksanakan secara bersepadu dengan sistem imbasan cap jari.

### Hantar SMS jika lewat

Ia akan menghantar laporan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada ketua jabatan jika ada penjawat awam datang lambat dan surat tindakan tatatertib akan dikeluarkan jika melakukannya tiga kali tanpa sebab.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, dilaporkan berkata, sebagai permulaan, sistem itu akan dilaksanakan di 11 jabatan sebelum diperluaskan ke semua agensi lain.